



THE  
**SARAWAK GOVERNMENT GAZETTE**  
**PART II**

Published by Authority

---

Vol. LXXIX

26th March, 2024

No. 28

---

Swk. L. N. 123

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

MAJLIS ISLAM SARAWAK (ADMINISTRATION OF ISLAMIC  
EDUCATIONAL INSTITUTIONS) RULES, 2024

(Made under section 82(2)(f))

In exercise of the powers conferred by section 82(2)(f) of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Yang di-Pertua Negeri has, on the advice of the Majlis Islam Sarawak, made the following Rules:

PART I  
PRELIMINARY

**Citation and Commencement**

1. These Rules may be cited as the **Majlis Islam Sarawak (Administration of Islamic Educational Institutions) Rules, 2024**, and shall be deemed to have come into force on the 15th day of March, 2024.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Board” means the Board of Management established under rule 17;

“Certificate of Registration” means certificate of registration issued under rule 14;

“Committee” means a committee established under rule 4;

“Institutions” means any Islamic religious institutions and schools and activities relating to the teaching of the religion of Islam in the State;

“Majlis” means the Majlis Islam Sarawak established under section 3(1) of the Ordinance;

“Nazir” means *Nazir* appointed under rule 21;

“Ordinance” means the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41J*; and

“Secretary of the Majlis” has the same meaning with the word “Secretary” in the Ordinance.

### **Application**

3. Unless otherwise provided, these Rules shall apply to all Institutions in the State.

## **PART II**

### **ISLAMIC EDUCATIONAL INSTITUTIONS AFFAIRS COMMITTEE**

#### **Establishment of the Committee**

4. The Majlis may establish a Committee to be known as Islamic Educational Institutions Affairs Committee to assist the Majlis on the matters relating to the administration and supervision of the Institutions and schools and activities relating to the teaching of the religion of Islam in the State.

#### **Membership of the Committee**

- 5.—(1) The Committee shall consist of the followings members:
  - (a) a Chairman;
  - (b) the Secretary of the Majlis as the Deputy Chairman;
  - (c) a Treasurer; and
  - (d) not less than six (6) and not more than ten (10) other members.
- (2) The members in paragraph (a), (c) and (d) shall be appointed by the Majlis.
- (3) The Head of Division of Islamic Education Enhancement Division, Islamic Religious Department of the State shall be the Secretary of the Committee.

### **Functions of the Committee**

- 6.** Functions of the Committee shall be as follows—
- (a) to issue certificate of registration to Institutions;
  - (b) to issue teaching's permit;
  - (c) to revoke the certificate of registration and teaching's permit;
  - (d) to make procedures, guidelines and forms to carry out the provisions of these Rules;
  - (e) to direct *Nazir* or any officer to do visitation, inspection, supervision or monitoring on any Institutions;
  - (f) to reports to the Majlis on matters relating to the Committee;
  - (g) to carry out all other functions provided for in these Rules; and
  - (h) to carry out any direction given from time to time by the Majlis.

### **Meetings of the Committee**

- 7.—(1)** All meetings of the Committee shall be called by the Secretary of the Committee upon instruction by the Chairman.
- (2) The Chairman shall preside all meetings of the Committee.
- (3) If the Chairman is absent from a meeting, the members present shall elect a member among themselves as a Chairman for that meeting; and
- (4) The Committee may, subject to the provision of these rules, determine its own procedure and practice.

### **Quorum**

- 8.** Six (6) members including the Chairman or a person elected as Chairman under Rule 7 (3) of the Committee shall constitute a quorum of the Committee meeting.

### **Attendance of non-members at meetings of the Committee**

- 9.—(1)** The Chairman may invite any person not being a member of the Committee to attend any of its meeting.
- (2) Any person attending such meeting under subrule (1) may participate in the deliberations of the Committee but shall not be entitled to vote on any decision.

### **Minutes of the meetings**

- 10.** The Secretary of the Committee shall cause minutes of all its meetings to be maintained and kept accordingly.

**Allowance**

**11.** Every member including the Secretary of the Committee or any other person may be paid such allowances as may be determined by the Majlis.

**PART III**  
**REGISTRATION OF ISLAMIC EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

**Registration**

**12.—(1)** All application to register the Institutions shall be made by a citizen who is a person belonging to the State or a permanent resident of the State.

(2) Subject to subrule (3) no person shall establish any Institutions unless it is registered in accordance with the provision of these Rules.

(3) Any Institutions established before the commencement of these Rules shall be registered in accordance with the provisions of these Rules within six (6) months after these Rules come into operation or such other period as may be allowed by the Committee.

(4) The name of the Institutions shall be approved by the Committee.

**Terms and Conditions of registration**

**13. —(1)** The registration of Institutions shall abide by the following conditions—

(a) no Institutions may operate before obtaining the certificate of registration.

(b) any changes to name, address and area of the premise shall be approved by the Committee;

(c) all Institutions issued with the certificate of registration shall have not less than ten (10) students within six (6) months from its issuance.

(d) the Committee may determine the minimum amount of fund that the Institutions shall have, which shall be proved within six (6) months from the issuance of certificate of registration by submitting its statements of account for three (3) consecutive months.

(e) in determining whether to grant an approval to register an Institution, the Committee shall consider the following matters:

(i) the suitability of the Institutions or its building on the grounds of health and safety;

(ii) the suitability of the persons constituting the Board to manage the Institutions;

(iii) financial resources to maintain the Institutions;

(iv) the need to provide another Institutions in the area in which it is proposed to open the Institutions; and

(v) any other reasons which in the opinion of the Committee is necessary to successfully open an Institutions.

(2) Notwithstanding the above, the Committee may impose any other conditions from time to time.

#### **Procedure of registration of Institutions**

**14.**—(1) Any person who wishes to establish Institutions shall make an application to register to the Committee using the form as may be determined by the Committee.

(2) Upon receiving the application, the Committee shall consider whether to approve or reject such application.

(3) In determining whether to approve an application to register an Institutions, the Committee shall consider the following matters:

- (a) the suitability of the Institutions or its building on the grounds of health and safety;
- (b) financial standing to maintain the Institutions;
- (c) the need of establishing the Institutions; and
- (d) any other grounds deemed fit by the Committee.

(4) If the application is approved, the Committee shall issue the certificate of registration to such Institutions subject to such terms and conditions stipulated therein.

#### **Temporary Registration**

**15.**—(1) Notwithstanding rule 14, the Committee may issue a letter for temporary registration to any Institutions subject to such terms and conditions as the Committee deems fit for a period of two (2) years.

(2) Any application to renew the letter for temporary registration shall be made at least three (3) months before its expiration.

#### **Revocation of Registration**

**16.**—(1) The Committee may revoke the registration of an Institutions if it is satisfied that—

(a) the Institutions has failed to comply with any term and condition imposed under these Rules; or

(b) the Institutions has contravened any of the term and condition of registration or any direction issued by the Committee or any provisions of these Rules, regardless of the fact there has been no prosecution for an offence in

respect of such contravention.

(2) Before revoking a registration, the Committee shall give the Institutions a notice in writing of its intention to do so and require the Institutions to rectify the contravention or comply with such terms and conditions of registration or such directions issued by the Committee within the period specified in the notice or within such extended period as may be granted by the Committee.

(3) If after the expiry of the period mentioned in subrule (2), the Institution failed to rectify the contravention or to comply with such terms and conditions or directions, the Committee may revoke the registration of the Institutions by notice in writing addressed to and served on the Chairman of the Board.

(4) Notwithstanding subrule (1), the Committee may revoke any registration made under rules 14 or 15, if the Committee has reason to believe that the Institutions has ceased to operate.

(5) A notice of revocation of registration mentioned in subrule (3) shall—

(a) specify the grounds and the date of the revocation to take effect; and

(b) contain all such directions, incidental, consequential, ancillary or transitional nature as the Committee may deem necessary, expedient or fit to give.

(6) Within thirty days (30) from the date of the revocation of its registration, the Institutions shall surrender its certificate of registration and any other relevant documents to the Committee.

#### PART IV BOARD OF MANAGEMENT

##### **Establishment, membership of the Board, etc.**

**17.**—(1) Every application to register any Institutions shall be accompanied with the application to establish its Board.

(2) The Board shall consist of the following members who shall be appointed by the Committee on the recommendation of the Institutions—

(a) a Chairman,

(b) a Secretary;

(c) a Treasurer; and

(d) not less than two (2) but not more than eight (8) other members.

Provided that the Chairman must be a Malaysian citizen of Sarawak origin.

(3) The term of appointment of the Board shall be for a period of three (3) years and may be eligible for reappointment.

(4) Any application to renew the Board shall be made at least three (3) months before its expiry date.

(5) A person shall be eligible to be appointed as a member of the Board, if he is:-

- (a) a Malaysian citizen;
- (b) a Muslim;
- (c) of the age of 18 years old;
- (d) free from any criminal records; and
- (e) not adjudged a bankrupt.

(6) The appointment of any member of the Board shall be terminated if—

- (a) he is adjudged a bankrupt;
- (b) he has been convicted of any criminal offences under any written law; or
- (c) he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties.

#### **Duties of the Board**

**18.**—(1) The duties of the Board shall be—

- (a) to administer and manage the Institutions under its control;
  - (b) to apply for renewal of membership of the Board;
  - (c) to provide all information required by the Majlis or Committee from time to time;
  - (d) to comply with all the direction of the Majlis or the Committee;
- and
- (e) to maintain records and register regarding—
    - (i) teachers and staffs;
    - (ii) names, ages and gender of its students;
    - (iii) financial statement;
    - (iv) curriculum and co-curriculum; and
    - (v) such other information as may be required from time to time by the Majlis or the Committee.

(2) The Board may appoint, on such terms and conditions, such numbers of teachers, officers and staffs and has the power to terminate any of such appointments.

(3) The Board shall practise good governance in office administration, finance, students affairs, curriculum, co-curriculum, guidance and counselling, safety, cleanliness, health and any other programme systematically.

**PART V**  
**TEACHING PERMIT**

**Application for Teaching Permit**

**19.**—(1) Any application for teaching permit shall be made using the form as may be determined by the Committee.

(2) Teachers shall have relevant academic qualification as required by the Committee.

(3) All applicants shall pass the interview conducted by the Committee.

(4) The teaching permit shall be valid for five (5) years and may be renewed upon application made at least three (3) months before its expiry using the form as may be determined by the Committee.

(5) The teaching permit granted to each teacher is only valid for the Institutions stated in such permit.

**PART VI**  
**CURRICULUM AND CO-CURRICULUM**

**Curriculum and Co-Curriculum**

**20.**—(1) Each registered Institutions shall comply with the curriculum containing the followings:

(a) the religious curriculum used by the Institutions shall comply with *Mazhab Syafie* and *Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah* and approved by the Committee; and

(b) all Institutions shall organize co-curriculum activities.

(2) Malay, Arabic or English languages shall be the main mediums of instruction.

(3) Other languages may be used as mediums of instruction with the approval of the Committee.

**PART VII**  
**NAZIR**

**Appointment and duties of Nazir, etc.**

**21.**—(1) The Committee may appoint such number of *Nazir* as may be necessary for the purpose of:

(a) conducting inspection from time to time on overall operations of the Institutions and the compliance of these Rules or directions of the Majlis and the Committee;

(b) conducting investigation on any Institutions as directed by the

Majlis or the Committee;

(c) inspecting financial account of any Institutions;

(d) reporting any irregularity and making recommendation as may be necessary to the Majlis or the Committee; and

(e) performing such duties as directed by Majlis or the Committee from time to time.

(2) Any member of the Board, teachers or staff of the Institutions shall cooperate with the *Nazir* or any person authorized to conduct inspection and shall provide all information and produce any book, record, account and other documents as may be required.

#### **Allowance of the *Nazir***

**22.** Every *Nazir* may be paid such allowances as may be determined by the Committee with the approval of the Majlis.

### **PART VIII MISCELLANEOUS**

#### **Offence and penalty**

**23.** Any person who breaches or contravenes any provision of these Rules, commits an offence and shall, on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six (6) months.

#### **Exemption**

**24.** The Committee may exempt any Institutions from any or all the provisions of these Rules.

#### **General power of the Majlis**

**25.** The Majlis shall have the power to close down any unregistered Institutions and any Institutions found to be contravening the Ordinance and these Rules.

#### **Directions by the Majlis**

**26.** The Majlis may from time to time give directions to the Committee on any related matters.

Dated this 15th day of March, 2024.

By Command,

**DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI  
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**

*Premier of Sarawak*

JAIS/BPP/I/700-4/77/1 JLD. 5

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

KAEDAH-KAEDAH MAJLIS ISLAM SARAWAK

(PENTADBIRAN INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM) 2024

(Dibuat di bawah seksyen 82(2)(f))

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 82(2)(f) Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [**Bab. 41**], Yang di-Pertua Negeri, atas nasihat Majlis Islam Sarawak, membuat Kaedah-Kaedah seperti berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Nama dan mula kuatkuasa**

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Majlis Islam Sarawak (Pentadbiran Institusi-Institusi Pendidikan Islam), 2024** dan mula berkuat kuasa pada 15 haribulan Mac, 2024.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“institusi-institusi” ertinya mana-mana institusi atau sekolah agama Islam dan aktiviti – aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam;

“Jawatankuasa” ertinya yang ditubuhkan di bawah kaedah 4;

“Lembaga Pengelola” ertinya lembaga yang ditubuhkan di bawah kaedah 17;

“Majlis” ertinya Majlis Islam Sarawak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 (1) Ordinan;

“Nazir” ertinya nazir yang dilantik di bawah kaedah 21;

“Ordinan” ertinya Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [**Bab 41**];

“Perakuan Pendaftaran” ertinya perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah kaedah 14; dan

“Setiausaha Majlis” mempunyai erti yang sama seperti tafsiran “Setiausaha” di dalam Ordinan;

#### **Pemakaian**

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Kaedah-

Kaedah ini terpakai bagi semua institusi-institusi di seluruh Negeri.

**BAHAGIAN II**  
**JAWATANKUASA HAL EHWAL INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN**  
**ISLAM**

**Penubuhan Jawatankuasa**

**4.** Majlis bolehlah menubuhkan Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Institusi-Institusi Pendidikan Islam untuk membantu dalam pentadbiran dan pemantauan institusi – institusi dan sekolah agama Islam dan aktiviti – aktiviti berkaitan agama Islam di dalam Negeri.

**Keanggotaan Jawatankuasa**

**5.—(1)** Jawatankuasa terdiri daripada anggota-anggota berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Seorang Bendahari; dan
- (d) tidak kurang daripada enam (6) orang dan tidak lebih daripada sepuluh (10) orang anggota.

(2) Anggota-anggota di dalam perenggan (a), (c) dan (d) hendaklah dilantik oleh Majlis.

(3) Ketua Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

**Fungsi Jawatankuasa**

**6.** Fungsi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut—

- (a) mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada institusi - institusi;
- (b) mengeluarkan permit mengajar;
- (c) membatalkan perakuan pendaftaran dan permit mengajar;
- (d) membuat apa-apa prosedur, garis panduan dan borang bagi melaksanakan Kaedah-Kaedah ini;
- (e) mengarahkan nazir atau mana-mana pegawai membuat lawatan, pemeriksaan, pengawasan dan pemantauan ke atas institusi - institusi;
- (f) menyediakan apa-apa laporan berkaitan dengan hal ehwal Jawatankuasa kepada Majlis;
- (g) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diperuntukkan dalam

Kaedah-Kaedah ini; dan

(h) melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

### **Mesyuarat Jawatankuasa**

**7.—(1)** Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa atas arahan Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Anggota-anggota yang hadir boleh melantik dalam kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat sekiranya Pengerusi tidak hadir.

(4) Tertakluk kepada peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawal selia tatacaranya sendiri.

### **Kuorum**

**8.** Enam (6) ahli Jawatankuasa termasuk Pengerusi atau ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah kaedah 7(3) hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Jawatankuasa.

### **Kehadiran bukan ahli dalam mesyuarat**

**9.—(1)** Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang yang bukan ahli Jawatankuasa untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat.

(2) Mana-mana orang yang hadir sedemikian di bawah subkaedah (1) boleh mengambil bahagian dalam perbincangan mesyuarat Jawatankuasa tetapi tidak layak mengundi bagi apa - apa keputusan.

### **Minit Mesyuarat**

**10.** Setiausaha Jawatankuasa hendaklah memastikan semua minit mesyuarat disenggarakan dan disimpan seperti yang sepatutnya.

### **Elaun**

**11.** Setiap anggota Jawatankuasa termasuk Setiausaha Jawatankuasa atau mana-mana orang lain boleh dibayar apa-apa elaun mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis.

## BAHAGIAN III

### PENDAFTARAN INSTITUSI-INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM

### **Pendaftaran**

**12.—(1)** Permohonan pendaftaran institusi-institusi hendaklah dibuat oleh

mana-mana warganegara Malaysia berasal dari Sarawak atau pemastautin tetap di Sarawak.

(2) Tertakluk kepada subkaedah (3), tiada orang boleh menubuhkan atau mendirikan institusi-institusi melainkan jika ia didaftarkan mengikut peruntukan kaedah-kaedah ini.

(3) Semua institusi-institusi yang ditubuhkan sebelum kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan kaedah-kaedah ini dalam masa enam bulan selepas kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa atau apa-apa tempoh yang dibenarkan oleh Jawatankuasa.

(4) Nama-nama institusi-institusi hendaklah mendapatkan kelulusan Jawatankuasa.

### **Syarat-syarat Pendaftaran**

13.—(1) Pendaftaran institusi-institusi hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut—

(a) tidak ada mana-mana institusi-institusi boleh beroperasi sebelum mendapat perakuan pendaftaran;

(b) sebarang perubahan kepada nama, tempat operasi dan keluasan premis hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa;

(c) setiap institusi-institusi yang telah dikeluarkan perakuan pendaftaran hendaklah mempunyai tidak kurang daripada sepuluh (10) orang pelajar dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh perakuan dikeluarkan;

(d) Jawatankuasa boleh menetapkan kadar jumlah sumber kewangan yang perlu ada bagi setiap institusi-institusi dan hendaklah dibuktikan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh perakuan dengan mengemukakan penyata akaun bagi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut;

(e) dalam menentukan sama ada untuk memberikan kelulusan untuk mendaftarkan institusi-institusi, Jawatankuasa hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

(i) kesesuaian institusi-institusi atau bangunannya atas sebab kesihatan dan keselamatan;

(ii) kesesuaian orang yang membentuk Lembaga untuk menguruskan Institusi-institusi;

(iii) sumber kewangan untuk mengekalkan institusi-institusi;

(iv) keperluan untuk menyediakan satu lagi institusi-institusi dalam kawasan yang dicadangkan untuk membuka Institusi-institusi tersebut; dan

(v) apa-apa sebab lain yang pada pendapat Jawatankuasa adalah

perlu untuk berjaya membuka institusi-institusi.

- (2) Walau apa pun di atas, Jawatankuasa boleh mengenakan apa-apa syarat lain dari semasa ke semasa.

#### **Tatacara pendaftaran institusi-institusi**

**14.—(1)** Mana-mana orang yang hendak menubuhkan institusi-institusi hendaklah membuat permohonan pendaftaran kepada Jawatankuasa, menggunakan borang yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Setelah menerima suatu permohonan, Jawatankuasa hendaklah menimbang sama ada hendak meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Dalam menentukan sama ada untuk meluluskan suatu permohonan bagi mendaftar institusi-institusi, Jawatankuasa hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- (a) kesesuaian institusi-institusi atau bangunannya atas sebab kesihatan dan keselamatan;
- (b) kedudukan kewangan untuk mengekalkan institusi-institusi;
- (c) keperluan untuk menubuhkan institusi-institusi; dan
- (d) mana-mana alasan lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

(4) Jika kelulusan telah diberikan, Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran bagi institusi-institusi itu tertakluk dengan apa-apa syarat yang ditetapkan.

#### **Pendaftaran Sementara**

**15.—(1)** Walau apa pun peraturan 14, Jawatankuasa boleh mengeluarkan surat untuk pendaftaran sementara kepada mana-mana institusi-institusi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa untuk tempoh dua (2) tahun.

(2) Sebarang permohonan untuk memperbaharui surat bagi pendaftaran sementara hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh.

#### **Pembatalan Pendaftaran**

**16.—(1)** Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran sesuatu institusi-institusi jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) institusi-institusi telah gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau
- (b) institusi-institusi telah melanggar mana-mana terma dan syarat pendaftaran atau mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, tanpa mengira fakta tiada

pendakwaan bagi kesalahan berkenaan dengan pelanggaran tersebut.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu pendaftaran, Jawatankuasa hendaklah memberi institusi-institusi suatu notis secara bertulis tentang hasratnya untuk berbuat demikian dan menghendaki Institusi-institusi untuk membetulkan pelanggaran itu atau mematuhi apa-apa terma dan syarat pendaftaran atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau dalam tempoh lanjutan yang mungkin diberikan oleh Jawatankuasa.

(3) Jika selepas tamat tempoh yang disebut dalam subkaedah (2), institusi-institusi gagal untuk membetulkan pelanggaran atau mematuhi terma dan syarat atau arahan itu, Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran institusi-institusi melalui notis bertulis yang dialamat dan disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pengelola.

(4) Walau apa pun subkaedah (1), Jawatankuasa boleh membatalkan mana-mana pendaftaran yang dibuat di bawah kaedah 14 atau kaedah 15, jika Jawatankuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa institusi-institusi telah berhenti beroperasi.

(5) Notis pembatalan pendaftaran yang disebut dalam subkaedah (3) hendaklah –

(a) menyatakan alasan dan tarikh pembatalan itu berkuat kuasa; dan

(b) mengandungi semua arahan, berhubungan, berbangkit, sampingan atau peralihan yang difikirkan perlu, suai manfaat atau patut diberikan oleh Jawatankuasa.

(6) Dalam masa tiga puluh hari (30) dari tarikh pembatalan pendaftarannya, institusi-institusi hendaklah menyerahkan perakuan pendaftarannya dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan kepada Jawatankuasa.

#### BAHAGIAN IV LEMBAGA PENGELOLA

##### **Penubuhan, Keahlian Lembaga, dll.**

**17.—(1)** Setiap permohonan pendaftaran institusi-institusi hendaklah disertakan dengan permohonan penubuhan Lembaga Pengelola.

(2) Lembaga Pengelola hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang hendaklah dilantik oleh Majlis, atas syor institusi-institusi—

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Setiausaha;

(c) seorang Bendahari; dan

(d) tidak kurang dua (2) orang dan tidak melebihi lapan (8) orang ahli lain.

Dengan syarat Pengerusi hendaklah warganegara Malaysia berasal dari

Sarawak.

(3) Tempoh lantikan Lembaga Pengelola hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Permohonan untuk memperbaharui lantikan Lembaga Pengelola hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh.

(5) Seseorang adalah layak untuk dilantik sebagai ahli Lembaga Pengelola jika dia—

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Beragama Islam;
- (c) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- (d) Tiada rekod jenayah; dan
- (e) Tidak diisyiharkan muflis.

(6) Pelantikan mana-mana orang sebagai ahli Lembaga Pengelola boleh dibatalkan oleh Jawatankuasa jika—

- (a) dia telah diisyiharkan muflis;
- (b) dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) Jawatankuasa berpendapat orang itu telah gagal menunaikan kewajipannya sebagai ahli disebabkan gila, sakit atau apa-apa sebab lain yang munasabah.

#### **Tanggungjawab Lembaga Pengelola**

**18.—(1)** Lembaga Pengelola adalah bertanggungjawab untuk—

- (a) menyelenggara dengan sepatutnya institusi-institusi di bawah kawalannya;
- (b) membuat pembaharuan ahli Lembaga Pengelola;
- (c) menghantar segala maklumat yang dikehendaki kepada Jawatankuasa;
- (d) mematuhi arahan-arahan Jawatankuasa; dan
- (e) menyenggara rekod yang sepatutnya mengenai:
  - (i) guru-guru dan kakitangan;
  - (ii) nama, umur dan jantina pelajar;
  - (iii) sumber kewangan;
  - (iv) kurikulum dan kokurikulum; dan
  - (v) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki dari semasa ke

semasa oleh Jawatankuasa.

(2) Lembaga Pengelola boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut, seberapa ramai guru, pegawai dan pekhidmat dan hendaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan atau membatalkan mana-mana pelantikan itu.

(3) Lembaga Pengelola hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran pejabat, kewangan, pelajar, kurikulum, kokurikulum, bimbingan dan kaunseling, rekod, keselamatan, kebersihan, kesihatan dan lain-lain program yang sistematis.

## BAHAGIAN V PERMIT MENGAJAR

### **Permohonan permit mengajar**

**19.**—(1) Sebarang permohonan untuk mendapat permit mengajar hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Tenaga pengajar hendaklah mempunyai kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(3) Setiap pemohon hendaklah lulus temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa.

(4) Permit mengajar hendaklah sah selama lima (5) tahun dan boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh dengan menggunakan menggunakan borang yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(5) Permit mengajar seseorang tenaga pengajar adalah sah hanya di institusi-institusi yang dinyatakan di dalam permit tersebut.

## BAHAGIAN VI KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

### **Kurikulum dan Kokurikulum**

**20.**—(1) Setiap institusi-institusi yang berdaftar hendaklah mematuhi kurikulum yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

(a) kurikulum agama yang diajar dan diguna pakai oleh institusi-institusi hendaklah mengikut Mazhab Syafie dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan diluluskan oleh Jawatankuasa; dan

(b) semua institusi-institusi hendaklah mewujudkan kegiatan kokurikulum.

(2) Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris hendaklah menjadi bahasa pengantar utama.

(3) Bahasa pengantar selain daripada bahasa pengantar utama boleh digunakan dengan kelulusan Jawatankuasa.

## BAHAGIAN VII NAZIR

### **Pelantikan dan Tugas Nazir**

**21.**—(1) Jawatankuasa bolehlah melantik beberapa orang Nazir sepertimana yang diperlukan yang tugas-tugasnya hendaklah termasuk:-

(a) menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa mengenai operasi keseluruhan institusi-institusi dan pematuhan ke atas Kaedah-Kaedah ini atau arahan-arahan Majlis dan Jawatankuasa;

(b) menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana institusi-institusi atas arahan Majlis atau Jawatankuasa;

(c) menjalankan pemeriksaan ke atas akaun-akaun kewangan institusi-institusi;

(d) membuat laporan ke atas apa-apa perkara luar aturan termasuk membuat apa-apa cadangan yang perlu kepada Jawatankuasa; dan

(e) menjalankan apa-apa tugas yang diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana ahli Lembaga Pengelola, tenaga pengajar atau pekerja institusi-institusi hendaklah memberi kerjasama kepada mana-mana Nazir atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan dan hendaklah memberi segala maklumat dan mengemukakan segala buku, akaun dan lain-lain dokumen yang dikehendaki.

### **Elaun Nazir**

**22.** Nazir-nazir boleh dibayar apa-apa elauan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

## BAHAGIAN VIII PELBAGAI

### **Kesalahan dan penalti**

**23.** Mana-mana orang yang melanggar peruntukan Kaedah-Kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda satu ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi enam bulan.

### **Pengecualian**

**24.** Majlis berhak mengecualikan mana-mana institusi-institusi daripada semua atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**Kuasa Am Majlis**

**25.** Majlis hendaklah berkuasa untuk menutup mana-mana institusi-institusi yang tidak berdaftar dan tidak mematuhi Ordinan dan Kaedah-Kaedah ini.

**Arahan oleh Majlis**

**26.** Majlis boleh dari semasa ke semasa memberi apa-apa arahan kepada Jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kaedah-Kaedah ini.

Bertarikh pada 15 haribulan Mac, 2024.

Dengan arahan,

DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI  
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG  
*Premier Sarawak*

JAIS/BPP/I/700-4/77/1 JLD. 5

SARAWAK LAWNET



DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, KUCHING, SARAWAK  
BAGI PIHAK DAN DENGAN KUASA PERINTAH KERAJAAN SARAWAK